

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14 / 08 / 2007

Tidak perlu semak semula KDNK – Abdullah

KUALA LUMPUR 13 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan tetap mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar enam peratus walaupun terdapat kemungkinan kesan negatif ekonomi global pada bila-bila masa.

Perdana Menteri menegaskan, dengan rizab negara yang banyak, asas ekonomi yang kukuh serta ekonomi dalaman yang semakin bertambah baik, tidak memerlukan kerajaan menyemak semula unjuran KDNK pada tahun ini.

“Kita tidak akan menyemak semula (KDNK) dan kita tidak perlu melakukan-

nya,” kata beliau pada sidang akhbar sempena majlis perasmian Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (Nafam) 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas situasi ekonomi negara dan keperluan menyemak semula KDNK ekoran ketidakstabilan ekonomi global terutamanya Amerika Syarikat (AS).

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) dalam taklimat ekonominya baru-baru ini telah menyatakan bahawa keadaan ekonomi semasa ialah baik.

UM - 14/8/2007

“Saya rasa kita lebih baik bersedia untuk menangani sebarang isu..., jika apa-apa yang terjadi di AS yang boleh mempunyai kesan negatif terhadap ekonomi kita, saya berharap kita boleh berhadapan dengannya,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, BNM telah membangunkan satu sistem yang membolehkannya memantau segala yang berlaku sekarang dan sebelum ini serta menganalisis sebarang perkembangan di negara-negara yang mempunyai hubungan perdagangan dan pelaburan yang kukuh dengan Malaysia, seperti AS, Jepun, Singapura dan Hong Kong.

Abdullah percaya sistem itu yang membekalkan maklumat lebih awal, boleh membantu Malaysia bertindak lebih berkesan dengan cara yang sesuai ketika berlakunya krisis ekonomi global.

Malah katanya, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz memaklumkan beberapa pegawai kewangan dari luar negara yang melihat bagaimana sistem tersebut beroperasi turut mengakui keberkesanannya.

“Mereka gembira kerana sistem tersebut diperkenalkan untuk mendapat maklumat awal kerana penting untuk kerajaan bertindak dengan berkesan dan betul,” katanya.